



**MAJLIS BANDARAYA IPOH  
PERMOHONAN UNTUK MENGISI JAWATAN KOSONG**

Permohonan adalah dipelawa daripada **Warganegara Malaysia dan keutamaan kepada rakyat DYMM Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan** yang berkelayakan bagi mengisi jawatan berikut:-

- JAWATAN : **PENOLONG PEGAWAI PENILAIAN**
- KUMPULAN PERKHIDMATAN : PELAKSANA
- KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : KEWANGAN (W)
- JADUAL GAJI (MIN – MAX) : **GREED W29**  
RM1,498.00 – RM5,678.00
- TARAF JAWATAN / BILANGAN : **TETAP / 1**
- SYARAT LANTIKAN : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
- (a) warganegara Malaysia;
  - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
  - (c) (i) Sijil Pengurusan Harta Tanah yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred W29 : RM1,510.92); atau
  - (ii) Sijil Penilaian Harta Tanah yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred W29 : RM1,510.92); atau
  - (iii) diploma dalam bidang pengurusan harta tanah atau pengurusan harta benda yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.  
(Gaji permulaan ialah pada Gred W29 : RM1,851.28).
- SYARAT KELAYAKAN BAHASA : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.  
:MELAYU

- SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN** : Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Penilaian adalah layak dipertimbangkan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Penilaian Gred W29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:
- (a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1 (c) di atas; dan
  - (ii) lulus Peperiksaan Khas; dan
  - (b) had umur pelantikan:
    - (i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56; atau
    - (ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
    - (iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.
- FUNGSI BIDANG TUGAS** : Bertanggungjawab kepada pihak Majlis mengenai perkara-perkara berkaitan dengan penilaian harta tanah, pembangunan dan pengurusan harta tanah.
- TARIKH TUTUP IKLAN** : **08 OKTOBER 2018**

### **TEMPOH PERCUBAAN**

Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.

### **PROGRAM TRANSFORMASI MINDA/PEPERIKSAAN**

Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Perkhidmatan yang berkenaan.

### **CARA MEMOHON**

Permohonan hendaklah menggunakan aplikasi atas talian (online) sahaja dengan melayari laman web Majlis Bandaraya Ipoh di [www.mbi.gov.my](http://www.mbi.gov.my) dan pemohon akan dihubungkan ke Portal Laman Web Rasmi Gerbang Mesra Rakyat Negeri Perak dibawah Aplikasi Permohonan Jawatan Kosong.

### **CATATAN AM**

- (a) Hanya calon-calon yang layak selepas tapisan sahaja akan dipanggil untuk ujian / temuduga.
- (b) Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas 6 bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
- (c) Hanya calon-calon yang diperakui sihat untuk berkhidmat oleh Pengamal Perubatan Berdaftar sahaja yang layak dilantik mengikut Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012.